

Krisis perlantikan Datuk Kelana

(Undang Luak Sungai Ujong)

Samad syor hapus sistem giliran

21/9/87

KUALA LUMPUR, Ahad — Sistem giliran antara Perut di Hulu dan Perut di Hilir sebagai calon penyandang pesaka Datuk Kelana iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Negeri Sembilan perlu dihapuskan, kata tokoh budaya dan adat Perpatih, Tan Sri Abdul Samad Idris.

Bellau berpendapat, calon Datuk Kelana hendaklah dipilih daripada semua orang yang ada dalam Luak Sungai Ujong.

"Perbalahan timbul kerana mereka mendakwa Perut masing-masing berhak menyandang pesaka itu," katanya.

Menurutnya, jika dihapuskan sistem Perut itu, dengan sendirinya soal seperti sekarang tidak akan timbul lagi.

Tan Sri Abdul Samad sendiri pernah mencadangkan sistem Perut itu dihapuskan ketika berada dalam Kerajaan Negeri dahulu tetapi

Oleh MOKHTAR HAJI ALIAS

ditolak oleh Dewan Keadilan Negeri Sembilan. Mengikut aturan adat yang ada sekarang, pesaka Datuk Kelana hendaklah digilirkan antara Perut Di Hulu dan Perut Di Hilir.

"Saya kesal kerana Lembaga Tiang Balai sepatutnya menyelesaikan perkara itu tetapi mereka pula yang menimbulkan masalah," katanya.

Tan Sri Samad berkata, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Haji Mohd Isa Samad perlu membantu menyelesaikan soal perlantikan Datuk Kelana itu kerana ia sudah berlari-tan selama empat tahun.

"Walaupun dalam adat ia tidak dibenarkan tetapi Menteri Besar perlu campur tangan dengan segera bagi mengelakan perpecahan orang Melayu khususnya dalam luak Sungai Ujong," katanya.

Tan Sri Samad Idris yang juga bekas Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan berkata, kerajaan Negeri Sembilan perlu mengambil daya usaha menyelesaikan masalah itu untuk mengelakan pandangan yang buruk orang luar terhadap adat Perpatih.

"Akibat kejadian itu, ada orang yang mempersenda-sendakan keaslian adat Perpatih. Sedangkan yang menjadi soal bukannya adat Perpatih tetapi mereka yang bertanggungjawab tidak berupaya melakukan kewajipan mereka," tegasnya.

Tan Sri Samad menekankan mengenai adanya unsur-unsur perpecahan orang Melayu di luak Sungai Ujong kerana merebutkan pesaka Datuk Kelana itu.

"Sekiranya, perkara itu dibiarkan berlari-tan mungkin ia membawa kesan yang lebih buruk. Jadi, saya berpendapat Kerajaan Negeri perlu campur tangan segera," tegasnya.